

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

→ Prof Emeritus

**Datuk Dr Ibrahim Komoo**

Ketua Kluster, Sumber Asli dan Alam Sekitar, Majlis Profesor Negara (MPN) dan Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM



**+** Kurang menghormati hak awam adalah kelemahan etika jelas menunjukkan kita masih terperangkap dalam minda kelas tiga”

**+** Usaha menjayakan wawasan pembangunan lestari ialah apabila komuniti mempunyai kepercayaan ‘berfikiran global, bertindak lokal’”

**+** Masyarakat bertamadun akan memenuhi potensi setiap warga, menghormati kecemerlangan dan menjalankan kehidupan yang seimbang”

# Erti kata sebenar negara maju

**K**etika dijemput memberikan khidmat nasihat kepada geopark kebangsaan Hantangang, Korea Selatan baru-baru ini, saya kagum dengan kemajuan yang dicapai oleh masyarakat di sana untuk membangun prasrama dan memajukan negara. Saya masih ingat, pada awal 1970an, Korea setanding dengan kita, malah ketika itu pasukan bola sepak kita mampu mengalahkan mereka. Dalam hati kecil berbisik ‘kini mereka sudah jauh meninggalkan kita’.

Saya terkejut apabila, Prof Kyung Sik Woo, rakan karib yang menemani lawatan ini menyatakan beliau kecewa dengan set minda pemimpin dan masyarakatnya yang masih ketinggalan berbanding Malaysia. Beliau pernah melawat ke Langkawi UNESCO Global Geopark dan Tapak Warisan Dunia Mulu untuk berhujah sedemikian. Katanya, ‘di Korea kami hanya ingin bermegah dengan bangunan yang canggih, tetapi pengisian kandungan tidak dipedulikan’.

Kenyataan beliau membuat saya berfikir, bagi seorang pelancong, pandangan luaran boleh memberikan persepsi pertama cara kita menilai kemajuan sesuatu bangsa dan negara. Saya

masih teringat kenyataan bekas Perdana Menteri kita, Tun Abdullah Ahmad Badawi iaitu ‘kita mempunyai prasarana kelas pertama, tetapi kebanyakan masyarakat bermentaliti kelas ketiga’. Dalam budaya kita, ada pepatah menyebut, ‘biar papa asal berluang’.

Seperi Malaysia, Korea juga masih lagi bertarung untuk membina tamadun bangsa beraskan negara maju tulen. Saya pernah menyarankan beberapa indeks negara maju berdasarkan sikap, etika dan pandangan dunia masyarakat sesebuah negara berbanding dengan kemajuan ekonomi. Umpamanya, lihat sahaja kepada kualiti air sungai, jika semakin kotor semakin mundurlah sesebuah negara itu.

Mudah untuk negara membina bangunan pencakar langit, tetapi tidak mudah bagi mengembangkan seluruh warganya untuk menjaga kebersihan sungai yang mengalir di kawasan pemukiman mereka. Beberapa sikap yang masih jelas di dalam masyarakat kita ialah, mencari kekayaan adalah untuk diri dan keluarganya. Bukan urusan saya jika sebahagian besar jiran masih kurang berada, asal keluarga saya kaya. Ini adalah sikap mementingkan diri melampaui ke-

pentingan masyarakat dan negara.

Ia juga menggambarkan kurang perasaan berbangga dan kecintaan terhadap tanah air dan bangsanya. Selain daripada membayar cukai pendapatan, tidak banyak bantuan diberikan kepada aktiviti kemasyarakatan dan keilmuan. Konsep tanggungjawab sosial kurang berkembang, semuanya mengharapkan dana kerajaan.

Kurang menghormati hak awam adalah kelemahan etika jelas menunjukkan kita masih terperangkap dalam minda kelas tiga. Mengapa rasuah masih tidak dapat dibendung? Yang memberi juga adalah mereka yang tidak menghormati prinsip kehidupan bermasyarakat. Ramai pegawai yang diberikan kuasa berpendapat, ‘saya sekadar berkongsi keuntungan dengan mereka yang mendapat peluang’.

Mereka tidak sedar, keuntungan besar individu mengugat keupayaan membangun rakyat terbanyak. Lebih teruk lagi, rasuah adalah perbuatan keji yang menjatuhkan harga diri individu dan merosakkan maruah bangsa yang ditegah oleh Islam. Usaha menjayakan wawasan pembangunan lestari ialah apabila komuniti mempunyai kepercayaan ‘berfikiran global, bertindak lokal’. Kita harus mempunyai fikiran bumi adalah satu-satunya tempat untuk kehidupan sejagat, dan seluruh warga dunia perlu bersatu dan bertanggungjawab untuk menyelamatkannya daripada kemusnahan.

Begitupun, tindakan yang perlu kita lakukan ialah secara tempatan. Dalam konteks pencemaran sungai umpamanya, jagalah sungai di belakang rumah kita, di dalam negeri kita dan negara kita. Jika semua warga dunia bertindak sedemikian, pencemaran sungai dapat dihindarkan dan keperluan asas air bersih bakal cukup untuk seluruh warga dunia. Inilah apa yang dimaksudkan dengan masyarakat berpandangan dunia.

Semakin hari, masyarakat begitu mengenali ahli politik dan seniman popular berbanding

sasterawan dan ilmuan negara. Bukan kita tidak boleh menghormati ahli politik berwibawa dan seniman berbakat, tetapi ketaksuban melampau sehingga seluruh kehidupan dicurahkan untuk kegiatan ini menggambarkan minda kelas ketiga.

Masyarakat bertamadun akan memenuhi potensi setiap warga, menghormati kecemerlangan dan menjalankan kehidupan yang seimbang. Mereka lakukan yang terbaik untuk keperluan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Berpegang kepada ilmu yang bermanfaat dan inovasi untuk meningkatkan keupayaan dan keistimewaan bangsanya.

Banyak indeks bagi menjelaskan kedudukan masyarakat bertamadun atau berminda kelas pertama boleh dihasilkan jika ingin mengukur pencapaian dan kemajuan negara ke arah negara maju. Antaranya ialah peratusan sungai tercemar, peratusan pendera kepada institusi pengajian atau kebajikan, nisbah individu yang kaya dan miskin, kadar rasuah, kadar jenayah, kemalangan jalan raya, projek kebajikan yang dilaksanakan secara sukarela, inovasi teknologi watan, peratusan pengguna bahasa kebangsaan dalam komunikasi tempatan, majlis ilmu, pencapaian dalam sukan dan jumlah sarjana yang bertaraf global.

Apakah kita sudah boleh berbangga dengan semua ini? Seperti kata rakan saya Prof Kyung, Malaysia kelihatan lebih maju berbanding Korea daripada perspektif pembangunan sosial. Pemerhatian saya pula menunjukkan kita telah ditinggalkan oleh mereka dalam perlumba ke arah negara maju. Apapun, negara maju bukan sekadar pendapatan negara tinggi, tetapi masyarakatnya yang mengamalkan tamadun tinggi.

→ Kementerian Pertahanan mengkomunikasikan hasil penyelidikan pertahanan. Antaranya, yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE). Ikti ulasan lanjut Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Mohd Johari Baharum**, esok.

## Sidang redaksi

Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Mahfar Ali**  
mafah@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Badrulhisham Othman**  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran Percetakan & Digital  
**Rosli Safar**  
rosli@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Berita/Rencana/Digital  
**Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman**  
madzaini@bh.com.my

Penulis Khas Kanan  
Ekonomi & Ehwal Sermasa  
**Saldon Idris**  
saldon@bh.com.my

**BH** diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M)  
Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur,  
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081  
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bh@encana@bh.com.my